

**Tarikh Dibaca: 25 FEBRUARI 2022M | 23 RAJAB 1443H**



**جَابَاتَانِ اِغَامَا اِيسْلَامِ سِلَانْغُورِ**  
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

# **KHUTBAH JUMAAT**

**Tajuk:**

**“IBADAH TERAGUNG”**

**\*\*\***

**Terbitan:**

**Unit Khutbah**

**Bahagian Pengurusan Masjid**

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



## “IBADAH TERAGUNG”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥﴾<sup>1</sup>

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٦﴾<sup>2</sup>

### Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Khatib ingin berpesan buat hadirin sekalian agar sama-samalah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya dan keimanan yang teguh akan menjadikan kita hamba yang berjaya di dunia dan juga di akhirat kelak.

Syukur alhamdulillah kerana kita masih dikurniakan kesihatan yang baik untuk beramal pada Bulan Rajab yang penuh keberkatan ini, maka marilah kita hayati khutbah yang bertajuk “**IBADAH TERAGUNG**”.

<sup>1</sup> Al-Baiyinah : 5.

<sup>2</sup> Ali Imran : 102.



## Muslimin yang berbahagia,

Saban tahun apabila tiba bulan Rajab, kita pasti akan diperingatkan dengan peristiwa Israk dan Mikraj yang berlaku kepada Nabi Muhammad SAW. Daripada peristiwa israk dan mikraj inilah termeterainya pensyariaan yang sangat agung iaitu al-solat. Bagi seorang Islam yang beriman lagi bertakwa, solat menjadi ibadah agung khusus kepada seorang hamba atau "Makhluk" kerana kewujudannya di alam ini oleh Allah SWT atau "Al-Khalik". Solat yang didirikan lima kali sehari semalam pada waktu yang telah ditetapkan adalah suatu ibadah fardhu. Mendirikannya adalah sebagai pra syarat erti ketaatan hakiki seorang hamba kepada Maha Pencipta. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa Ayat 103:

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا

*"Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya."*

Dalam menjalani kehidupan seharian, manusia akan melalui ujian, cabaran dan dugaan. Manusia atas sifat kejadiannya sebagai makhluk sangat memerlukan pertolongan dari Allah SWT, maka perlulah bersabar dalam semua keadaan dan tetap memberi ketundukkan sepenuhnya kepada Allah SWT dengan mendirikan solat lima waktu. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah Ayat 153:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ

الصَّابِرِينَ

*"Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu*



perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar."

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT,**

Solat fardu merupakan Rukun Islam yang kedua selepas mengucap syahadah. Umat Islam yang mukallaf baik lelaki atau perempuan, berkewajipan melaksanakannya tanpa mengira bangsa, keturunan, etnik, pendidikan, sosial mahupun ekonomi. Meninggalkannya dikira berdosa kerana ia adalah ibadah khusus yang paling utama dan yang awal akan dihisab oleh Allah SWT di akhirat kelak. Solat adalah tiang agama, barangsiapa yang cuai serta lalai dari melaksanakan ibadah solat, seumpama sedang meruntuhkan agama Islam sebagai al-Din atau cara hidup yang benar. Kesempurnaan mendirikan solat adalah faktor yang menjadi pertimbangan untuk diterima segala amalan fardu dan sunat yang lain sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ  
صَلَاتُهُ، فَإِنْ صَلَحَتْ، فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ، وَإِنْ فَسَدَتْ،  
فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ

*"Perkara pertama yang akan dihisab pada diri seseorang pada hari akhirat daripada sekalian amalnya ialah solatnya. Jika solatnya baik maka dia akan berjaya dan menang, jika solatnya rosak maka dia akan rugi serta menyesal."*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

Solat fardu bukan satu kewajipan yang boleh didirikan dengan sambil lewa, sekadar melepaskan kewajipan, atau dilakukan dalam



keadaan-keadaan tertentu atau kerana selain Allah SWT. Sebaliknya, perintah solat sebagai ibadah agung, wajib didirikan dalam apa jua situasi, tempat dan keadaan, baik ketika berada dalam keadaan sihat atau sakit, ketika mampu berdiri atau dalam keadaan tidak mampu berdiri sempurna, solat tetap perlu didirikan hanya kerana Allah SWT. Kerana itu, Allah SWT melarang keras umat Islam yang meninggalkan solat secara sengaja walau dalam apa jua keadaan sekalipun serta mengancam mereka yang melalaikannya, Firman Allah SWT menerusi surah Al-Muddathir ayat 42-43:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ

*“(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): “Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?”. Orang-orang yang bersalah itu menjawab: “Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang.”*

### **Muslimin tetamu Allah yang dirahmati sekalian,**

Pelaksanaan solat haruslah berlandaskan dengan ilmu pengetahuan dan hukum hakam yang berhubung dengannya. Antara yang perlu diberikan penekanan ialah *Toharah* (kesucian diri). Mengambil wuduk dengan sempurna merupakan perbuatan yang wajib bagi menentukan keabsahan solat mengikut hukum syarak. Syarat sah seseorang mendirikan solat adalah perlu bersuci dan bersih dari hadas besar dan kecil. Ini adalah perintah Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Maidah ayat 6 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu akan mendirikan solat maka basuhlah muka kamu dan tangan-tangan kamu hingga siku-*



*siku kamu dan sepuluh kepala kamu serta basuhlah kaki-kaki kamu sehingga ke kedua mata kaki".*

Begitu juga hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhui bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Apabila engkau hendak bersolat, berwuduklah dengan sempurna".*

*(Riwayat Al Bukhari dan Muslim).*

Perkara penting yang perlu turut dijaga kerana menjadi syarat sah dalam solat, adalah aurat. Adalah ditetapkan aurat dalam solat hendaklah ditutup dari arah keliling dan atas. Segelintir umat Islam didapati tidak menjaga adab dan cara berpakaian ketika mendirikan Solat. Apa lagi ketika ke masjid mendirikan solat berjemaah. Ada yang hadir berjemaah dengan memakai seluar koyak dan ada yang berpakaian singkat hingga tersingkap auratnya. Alangkah ruginya solat yang didirikan dalam keadaan sebegitu rupa, kerana membiarkan aurat terbuka menyebabkan solat yang didirikan batal dan perlu didirikan semula. Alangkah indah dan cantiknya itu Islam dipandang jika sekiranya umat Islam berpusu-pusu ke masjid dan surau untuk menunaikan solat dengan pakaian yang indah. Justeru itu, Allah SWT berfirman dalam surah al-A'raf ayat 31:

﴿يَبْنَىْ ءآءَمَ ؤُءُوآ زِيْنَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ﴾

*"Wahai anak-anak Adam! Pakailah pakaian kamu yang indah berhias pada tiap-tiap kali kamu ke tempat ibadat (atau mengerjakan sembahyang)...."*

Selain itu, Baginda Nabi Muhammad SAW mengingatkan kita melalui hadisnya daripada Malik bin Al-Huwairith Radiallahu'anhui bahawa Rasulullah SAW bersabda:



## صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

*"Solatlah kamu sepertimana kamu melihat aku solat".*

*(Riwayat al-Bukhari).*

### **Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Ketahuilah bahawa sebaik-baik solat adalah didirikan secara berjemaah. Jika solat itu diwajibkan kepada setiap Muslim, maka solat berjemaah pula seakan bonus berganda untuk semua Muslim. Umat Islam yang menunaikan solat berjemaah dijanjikan pahala yang berlipat ganda oleh Allah SWT berbanding solat secara bersendirian. Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak 27 darjat."*

*(Riwayat Muslim).*

Solat berjemaah membolehkan seorang Muslim itu untuk bertemu, berkomunikasi dan berhubung dengan sesama Muslim di masjid, surau ataupun musolla. Solat berjemaah juga membolehkan seorang Muslim itu menghargai nikmat persaudaraan atau ukhuwah yang dipraktikkan di dalam Islam.

Jika suatu ketika dulu bilangan jemaah di masjid dan surau dihadkan kerana pandemik Covid-19, kini sedikit demi sedikit kelonggaran telah diberikan untuk semua umat Islam sama-sama mengimarahkan masjid dengan solat berjemaah dan pelbagai program pengimarahkan mengikut SOP yang ditetapkan. Maka berusaha untuk hadir berjemaah ke masjid dan surau serta bersyukur dengan kelapangan dan kekuatan yang dianugerah Allah SWT untuk hadir menunaikan solat berjemaah.



Namun begitu, penekanan konsep kerohanian serta amalan melazimi solat berjemaah ini juga seharusnya bermula dari rumah. Suami serta bapa disarankan untuk sentiasa berusaha mengajak ahli keluarga bersama-sama melazimi solat berjemaah walaupun cuma satu waktu solat. Mudah-mudahan dengan waktu yang diluangkan bersama-sama itu dapat mengeratkan ikatan kekeluargaan dan melahirkan kewibawaan suami sebagai pemimpin rumah tangga, menanamkan kecintaan serta meningkatkan rasa hormat sesama ahli keluarga.

### **Hadirin sekalian,**

Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita semua mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa perintah untuk mendirikan solat lima waktu adalah suatu syariat yang sangat mengikat hamba sebagai tanda ketundukan penuh kepada Maha Pencipta yang menjadikan manusia untuk melaksanakan misi sebagai khalifah di muka bumi.
2. Umat Islam hendaklah memastikan solat yang didirikan dalam keadaan sempurna dan menepati apa yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW melalui para ulama.
3. Umat Islam hendaklah menjaga solat kerana apabila menjaga solat, maka terjagalah perkara-perkara yang lain dengan baik.
4. Sesungguhnya solat adalah tanggungjawab wajib seorang yang beragama Islam dan menjadi hak Allah SWT, dan ketika umat Islam menjaga hak Allah SWT, Allah SWT akan menjaga hak kita sebagai umat Islam untuk dimuliakan dunianya dan agamanya.
5. Umat Islam hendaklah melazimi solat berjemaah di masjid mahupun surau kerana ganjarannya sangatlah besar.





أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُولَئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ  
﴿١٠﴾ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

*"Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya."*

*(al-Mukminun : 9-11).*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ  
بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ،  
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ  
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا  
اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا  
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ



يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اَعِزِّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ،  
وَاَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِيْنَ.  
اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ  
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ  
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ  
ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عبد  
العزيز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُو اَمِيْر  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ ادريس شاه الحاج، فِي  
اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ.  
اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ  
وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ  
قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ  
إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ  
النَّارِ ﴿٢٠١﴾.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.